

4 pelajar berjaya ke rancangan Carta sirah nabi adikku musim ke-3

Written by Suliani Sedik

Friday, 14 June 2013 13:06 - Last Updated Friday, 14 June 2013 13:35

Bandar Sierra, 14 Jun – Empat pelajar Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz telah berjaya ke



peringkat seterusnya dalam rancangan Carta Sirah Nabi Adikku anjuran Radio Television Malaysia Sabah FM yang akan disiarkan bermula Julai depan.

Menurut Pembantu Guru Perpustakaan Media, 'Teacher' Siti Nizam Samsudin, hasil sesi ujibakat yang diadakan pada 18 Mei lalu di sini, empat pelajar telah terpilih ke peringkat seterusnya dan telah membuat rakaman pada 12 Jun lalu di RTM Sabah.

Katanya, empat pelajar tersebut ialah adik Sofia Irdina Kasmida, adik Adriana Kasmida, adik Nur Ain Farhana Asrul dan satu-satunya peserta muslimin dari SRI iaitu adik Ahmad Farhan Ansir.

Sehubungan itu, warga SRI Al-Hafidz mengucapkan tahniah kerana terpilih di antara 10 peserta terbaik sekitar Kota Kinabalu.

Tambahnya, buat yang terbaik dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan tempat yang terbaik daripada yang terbaik.

Untuk makluman semua, rakaman Carta Sirah Nabi adikku akan bersiaran pada setiap hari Ahad jam 8 malam bermula Julai ini.

Ujarnya, untuk warga SRI dialu-alukan untuk mengundi melalui ['Facebook' di Carta Sirah Nabi](#)

4 pelajar berjaya ke rancangan Carta sirah nabi adikku musim ke-3

Written by Suliani Sedik

Friday, 14 June 2013 13:06 - Last Updated Friday, 14 June 2013 13:35

[Adikku](#)

atau melalui system

pesanan ringkas.

Marilah kita menambahkan akaun akhirat dengan memberi sumbangan bagi menjayakan dan mempertingkatkan SRI Al-Hafidz. Sebarang sumbangan untuk SRI Al-Hafidz boleh dihulur ke akaun atas nama sekolah agama rakyat Al-Hafidz melalui:

i)Bank Islam No Akaun 100 160 100 782 10

ii)Maybank Islamik No Akaun 560 214 005 477

iii)Bank Muamalat No Akaun 1001-0002266-71-8

{flike}{fcomment}